



KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN / ONLINE

| | |
|--------------------|---|
| NAMA KURSUS | : PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN |
| KOD KURSUS | : DSM3183 |
| PEPERIKSAAN | : NOVEMBER 2020 |
| MASA | : 6 JAM |

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (60 Markah)
BAHAGIAN B (40 Markah)
 2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.
 3. Pelajar dibenarkan merujuk kepada sumber seperti nota kuliah, buku, internet atau mana - mana sumber yang berkaitan.
 4. Jawab SEMUA soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
 5. Tulis butiran anda seperti mana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
 - i. Nama Penuh Pelajar
 - ii. No. Kad Pengenalan
 - iii. Seksyen Kelas
 - iv. Kod Kursus
 - v. Nama Kursus
 - vi. Nama Pensyarah
 6. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
 7. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN NI MENGANDUNG 5 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **ENAM (6)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tuliskan jawapan anda pada Kertas Jawapan.

SOALAN 1

Kerajaan merupakan pemacu utama bagi memastikan peningkatan tahap Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan negara melalui pelbagai kaedah dan pendekatan untuk menerapkan budaya pencegahan di tempat kerja. Apakah andaian pekerja terhadap pihak majikan untuk menjamin keselamatan dan kesihatan pekerja dalam organisasi?

(10 markah)

SOALAN 2

“Jumlah kemalangan di tempat kerja yang dilaporkan oleh pihak Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) meningkat kepada 72,682 kes berbanding 69,986 kes pada tahun 2019.”

Pada pandangan anda, apakah tindakan yang perlu diambil oleh Pegawai Sumber Manusia bagi mengetahui punca berlakunya kemalangan industri?

(10 markah)

SOALAN 3

Huraikan **lima (5)** jenis hazard yang sering menyebabkan kemalangan di dalam organisasi.

(10 markah)

SOALAN 4

Encik Zul berjaya menyelamatkan syarikat dari kebakaran yang merebak di bahagian pemprosesan produk. Beliau dilantik sebagai ketua jawatankuasa kecemasan dan penyelamat bagi Syarikat Berjaya. Sebagai seorang pegawai yang dilantik, bagaimanakah cara anda menerangkan penggunaan alat pemadam api kepada semua pekerja jika berlakunya kebakaran?

(10 markah)

SOALAN 5

Pegawai keselamatan dan kesihatan pekerja dalam syarikat hendaklah memastikan setiap kemalangan dan bencana yang berlaku di tempat kerja perlulah dilaporkan kepada Jawatankuasa Keselamatan dan Keshihan Pekerja. Laporan tersebut hendaklah dibuat dengan serta merta sebaik sahaja kejadian tersebut dikenalpasti atau berlaku di Jabatan masing-masing. Sebagai seorang Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerja. Apakah bencana yang sering berlaku di tempat kerja?

(10
markah)

SOALAN 6

Litar pintas yang disertai api atau letupan dalam organisasi boleh menyebabkan kecederaan kepada semua pekerja serta kerosakan dalam organisasi. Berdasarkan pengetahuan anda, bagaimanakah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan menguruskan mangsa kejutan elektrik?

(10 markah)

[60 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tuliskan jawapan anda pada Kertas Jawapan.

SOALAN 1

- a. Kepentingan “*Personal Protective Equipment (PPE)*” adalah merupakan satu keperluan utama kepada petugas kesihatan barisan hadapan dalam menghadapi wabak COVID-19. Pada pendapat anda, apakah peralatan yang mungkin digunakan oleh petugas kesihatan ketika menguruskan pesakit COVID-19?

(10 markah)

- b. Kemalangan di tempat kerja boleh mendatangkan implikasi serius seperti kehilangan nyawa dan kecacatan. Pihak PERKESO juga memaklumkan bahawa pampasan faedah hilang upaya kekal akibat kemalangan di tempat kerja adalah RM119.6 juta. Pada pendapat anda, mengapakah pihak majikan perlu memainkan peranan bagi mengatasi masalah kemalangan ditempat kerja?

(10 markah)

SOALAN 2

- a. Huraikan **lima (5)** langkah keselamatan yang sesuai dilaksanakan dalam organisasi.

(10 markah)

- b. Pada bulan Februari 2020, Encik Malik ditimpa kemalangan semasa membaiki mesin pemotongan kertas. Beliau mengalami kecederaan parah di bahagian dimana jari manis beliau telah putus. Sebagai Pegawai Pengurus Sumber Manusia, anda diminta untuk menerangkan kepada pekerja supaya kemalangan seperti Encik Malik tidak berulang?

(10 markah)

[40 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT